

---

Title	Sastera ... kesusasteraan
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

---

Copyright © 1952 Muhammad Ariff bin Ahmad

Untuk Utusan Zaman: 13hb. JAN. 1952

----- SASTERA .....KESUSASTERAAN.

“oleh: MAS (S'usaha I, Asas' 50) -----

Rechna ini tepat di-tujukan kepada “Orchid Ledang” yang menyatakan kemushkilan-nya melalui minbar orangramai di-Utusan Melayu 25.12.51 sebagai penerangan, juga di-umumkan kepada sakalian yang maseh tertanya2 saperti Orchid Ledang itu jika ada yang maseh ragu2 saperti yang di-nyatakan oleh-nya dalam rechana-nya yang lalu.

-----

Sastera ia-lah perkataan yang telah di-Melayukan berasal dari perkataan San-skrit “SHASTRA”. Shashtra ia-lah sa-buah buku bahasa Sanskrit yang tertua sa-kali, yang di-dalam-nya tertulis undang2 dan peratoran. Orang Melayu mengambil perkataan itu; di-bunyikan mengikut kesenangan lidah-nya, itu-lah menjadi “sastera” yang ber-erti “keindahan bahasa” atau “peratoran” atau “undang2; chara menyusun bahasa menjadi indah.’ Hal ini tentu-lah telah di-maalumi oleh orangramai Melayu terutama orang2 yang meminati kesusasteraan; apalagi mereka yang sangat ingin melihat kebanggnan kesusasteraan kebangsaan-nya; malahan orang yang dahulu-nya menyangka “Sasterawan” itu erti-nya “nujum” atau “tukang-telek” itu pun telah mau memahamkan pengertian-nya kepada; bahawa “sastera” itu erti-nya keindahan bahasa dan “sasterawan” itu orang yang melukiskan keindahan bahasa itu. Para pelukis bahasa yang melukis dengan bahasa yang indah, membentok karangan yang baik dengan mengisikan aliran2 fikiran yang membangun itu disebut “sasterawan”.

Saudara pembacha jangan pula keliru: walau pun “sastera” itu di-bunyikan mengikut lidah Melayu; tetapi ia maseh tetap bahasa Sanskrit – ia akan menjadi bahasa Melayu setelah di-tambah dengan awalan atau akhiran, mithal-nya di-jadikan perkataan sastera + wan, ke + sasteraan, ke + su-sasteraan, sastera + sasteri dan lain2 yang sa-umpama-nya. Apa yang akan saya terangkan mula2 ia-lah menjelaskan keragu2an “Orchid Ledang” tentang perkataan “sastera” yang apakala di-tambah dengan awalan “ke.....” dan akhiran “....an” mengapa menjadi KESUSASTERAAN – tidak KESASTERAAN.

Bong Orchid”

Sa-benar-nya “Kesusteraan” atau “Kesasteraan” betul, sedangkan perkataan “Kesusasteraan” itu pun betul pula. Chuma pengertian “Kusasteraan” atau “Kesusteraan” itu berbedza dengan pengertian kata “Kesusasteraan”.

Kesusteraan atau Kesasteraan: ada-lah sama ertinya “keindahan atau chara mengindahkan bahasa”, tegas-nya undang2 peratoran bahasa, yang berasal dari perkataan Sanskrit “Shastera” itu, chuma perbedzaan antara “sus....” Dengan “sas....”, ada-lah mengikut kesedapan lidah sahaja: seperti terjadi-nya perbedzaan menyebutkan agama; igama dan ugama sahaja sedang ertikata yang sa-benar-nya sama belaka  $2 \times 5 = 10$ . Tetapi KESUSASTERAAN itu tidak lagi berasal dari perkataan bahasa Sanskrit “shastra” itu. Ia berasal dari perkataan yang telah di-Melayukan menjadi “Susastera”. Susastera ia-lah kata ulangan (perkataan berganda menurut Za’aba). Biar-lah saya jelaskan betapa kejadian perkataan “susastera” itu lebeh dahulu sa-belum ia di-tambah dengan awalan “ke....” dan akhiran “....an”:

Tuan Za’aba telah memberikan fatwa menggandakan perkataan itu ada tiga chara – (system) – nya:

- a) Perkataan itu di-gandakan sahaja mithal-nya: laki = laki<sup>2</sup>; budak = budak<sup>2</sup>; negeri = negeri<sup>2</sup>; langit = langit<sup>2</sup>; sastera = sastera<sup>2</sup>; sasterawan = saste-rawan<sup>2</sup> dan sebagai-nya.
- b) Perkataan pergandaan-nya itu berubah bunyi-nya meningkah bunyi perkataan asal-nya, mithal-nya: bukit = bukit-bukau; gunong = gunong-ganang; tonggang = tonggang-langgang; sastera = sastera-sasteri, warna = warni-warni dan yang sa-umpama-nya. (System ini hampir sama dengan kata majmo’: ibubapa, lelaki-perempuan; ipar-duai; mentua-taya; kaum-keluarga dsb.;dsb.)
- c) Perkataan pergandaan itu di-sebut awal dari perkataan asal-nya tetapi di-bunyikan sa-kerat sahaja, mithal-nya: laki = lelaki; kura = kekura; temu = tetamu; pun begitu hal-nya dengan “sastera” menjadi “susastera”.

Nah: Sekarang telah sdra maalumi bahawa kesusasteraan itu berasal dari perkataan susastera bukan sastera seperti pendapat saudara mula2 itu. Sedang pengertian yang tepat juga berbedza: “kesusteraan” erti-nya undang2; peratoran; chara mengindahkan bahasa, tetapi “kesusasteraan” ia-lah keindahan bahasa- hasil chiptaan mengikut tata-tertib, peratoran dan chara yang di-berikan oleh penchipta2-nya para “sasterawan” me-ngikut peratoran “kesusteraan” itu.

Untuk lebeh menyenangkan sdra2 pembacha mengambil fahaman tentang perbedzaan2 ertikata perkataan2 itu, biar-lah saya terangkan begini:-

Sastera	= Undang2 bahasa
Kesasteraan:	= Chara; peratoran mengindahkan bahasa mengikut undang2 sastera.

Kesusasteraan	= Hasil ciptaan sasterawan yang berpandukan kepada kesasteraan.
Sasterawan	= Pencipta sastera dan kesusasteraaa.
Pramasastera	= Penerangan kesasteraan; jalan bahasa.

Barangkali saudara'kan lebih ta'jub apakala saudara mendengar ada orang menyebut perkataan yang lebih ganjil berhubung dengan sastera, mithal-nya: Malam Sastera; Tari Sastera; Silat Sastera; Lawak Sastera dsb., dsb. Ya. Sdra: Memang kata2 itu amat ganjil apalagi mengikut pramasastera-nya memang tidak betul menyebutkan perkataan2 itu. Yang benar2 di-maksudkan ia-lah: Malam Kesusasteraan; Tarian Kesusasteraan; Silat Ke-susasteraan dll., dll. Tetapi perkataan itu tidak pula salah jika digunakan mengikut kebiasaan (istilah orang-ramai). Bukan-kah ada pepatah mengatakan "alah adat oleh mua-fakat"? Adat itu ia-lah ketetapan, tetapi ketetapan itu hanya tetap sa-lagi orang-ramai mau mengakui ketetapan-nya – apakala suatu muafakat mengalahkan ketetapan itu, maka datang-lah perubahan dengan ta'dapat di-nafikan. Pun begitu hal-nya dengan per-kataan yang mula2 (Malam Sastera dan kawan2-nya") yang di-katakan salah menurut prama-sastera, tetapi kerana menurut kebiasaan maka perkataan itu di-bolehkan oleh istilah ramai. Sebab tujuan perkataan itu sama pula pendirian-nya dengan kata2, Malam Jenaka: erti-nya bukan malam itu jenaka tetapi malam itu dipenohi oleh pelbagai jenaka atau yang mengenai jenaka; sama-lah pula dengan Malam Sastera; malam yang dipenohi dengan hal2 yang mengenai kesusasteraan.

Akhir-nya apa yang di-harapkan ia-lah: faham-lah hendak-nya saudara2 saya yang berharap penerangan itu, dengan fahaman yang sunggoh2 sa-telah menelaah renchana pendek ini.

Sekian.

-----

24-H, Henderson Road,

Singapore 3.

Kapada

Sdra Pengarang Utusan Zaman,

dengan selamat-nya.

Saudara,

Jika saudara bersetuju dengan penerangan renchana pendek ini, harap-lah di-siarkan melalui Utusan Zaman, sebagai penerangan kapada mereka yang maseh belum yakin kapada perkataan "sastera" dan "kesusasteraan" itu.

Sekian.

Terimakasih.

Saya,

Mohd.Ariff bin Ahmad.